

Headline	Sampaikan maklumat HIV AIDS kepada remaja		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	10 Dec 2014	Circulation	314,000
Section	Supplement	Readership	942,000
Page No	13	ArticleSize	329 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 11,341
Journalist	N/A	PR Value	RM 34,023
Frequency	Daily		



## Sampaikan maklumat HIV/AIDS kepada remaja

**Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan AIDS (AARG) Pusat Pengajian Sains Kemasayarakatan (PPSK) Universiti Sains Malaysia (USM) mendakwa, penyakit HIV/AIDS kini cepat menular dalam kalangan remaja.**

Timbalan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Prof Dr Ismail Baba, berkata sehubungan itu, AARG berperanan mendidik orang ramai supaya didekah dengan kemahiran asas yang berkaitan isu HIV/AIDS.

"Maklumat sebegini perlu disampaikan supaya dapat mendidik orang ramai, khususnya remaja untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjauhkan diri daripada tingkah laku yang berisiko menyebabkan penularan HIV/AIDS.

"Selaras dengan usaha kerajaan iaitu *Getting to Zero* bagi wabak HIV/AIDS, semua agensi mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang bagi keberhasilan perkara ini," katanya ketika berucap pada program Simposium Remaja

dan HIV/AIDS di Kompleks Cahaya, USM, di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Prof Madya Dr Azlinda Azman dan Dekan PPSK USM, Dr Nor Malina Malek.

### Pupuk beri sokongan

Lebih 100 peserta menghadiri program berkenaan yang diadakan bersempena ulang tahun ke-20 AARG itu yang bertujuan memberi pemahaman menerai isu, permasalahan, rawatan dan pencegahan berkaitan penyakit HIV/AIDS.

Sementara itu, Nor Malina berkata, di samping meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, sikap memberi sokongan juga perlu dipupuk.

Beliau berkata, setiap mangsa HIV/AIDS memerlukan motivasi dan tidak dibebani dengan stigma serta diskriminasi masyarakat sekeliling.

Katanya, usaha itu dapat membantu mengurangkan halangan bagi penghidap HIV/AIDS mendapatkan rawatan yang sewajarnya.



Sebahagian peserta yang hadir pada program **Simposium Remaja dan HIV/AIDS di Kompleks Cahaya, USM, baru-baru ini.**